



## JABATAN KETUA MENTERI SARAWAK

(UNIT SUMBER MANUSIA NEGERI)

TINGKAT 9, 10 & 11 WISMA BAPA MALAYSIA

PETRA JAYA

93502 KUCHING, SARAWAK



### PEKELILING PERJAWATAN NEGERI SARAWAK BILANGAN 17 TAHUN 2021

DARIPADA: **Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak.**

KEPADA: **Semua Setiausaha Tetap Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri  
Semua Setiausaha Majlis Bandaraya/  
Perbandaran/ Daerah**

SALINAN  
KEPADA:

PERKARA: **PERMOHONAN KEBENARAN BERCUTI KE LUAR NEGERI**

RUJUKAN: **22/JKM/SHRU/TM/500-3/5/1/2/JLD. 5** TARIKH: **15 NOV 2021**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Seperti yang YBhg. Dato Sri / Datuk / Datu / Dato / Tuan / Puan sedia maklum pada 10 Oktober 2021 Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak telah memutuskan bahawa mulai 11 Oktober 2021 perjalanan rentas negeri adalah dibenarkan.

3. Sehubungan itu, permohonan kebenaran bercuti ke Luar Negeri (Semenanjung Malaysia / Sabah / Labuan) hendaklah mendapat kelulusan daripada Kuasa Melulus seperti berikut:-

Kategori Pegawai	Kuasa Melulus
Ketua Jabatan	Setiausaha Kerajaan Negeri
Pegawai PANS	Ketua Jabatan

4. Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Kuasa Melulus berkaitan sekurang-kurangnya **tujuh (7) hari bekerja sebelum tarikh perjalanan** tertakluk kepada SOP yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

5. Semua pegawai dikehendaki untuk mengambil langkah-langkah penjagaan kesihatan yang tinggi sebelum / semasa / selepas bercuti di luar negeri. **Bercuti ke Luar Negara masih dibekukan.**

*"Together We Drive the Workforce in the Civil Service to be World Class"*



082 - 441957



082 - 445613



hrmmaklumat@sarawak.gov.my


6. Bagi pegawai PANS, permohonan kebenaran bercuti ke Luar Negeri hendaklah dibuat melalui GEMS dengan mengisi destinasi sepanjang tempoh bercuti semasa permohonan cuti dibuat manakala bagi pegawai Badan Berkanun Negeri / Pihak Berkuasa Tempatan, permohonan kebenaran bercuti ke Luar Negeri hendaklah mengikut prosedur sedia ada masing-masing.

7. Adalah perlu **DIPERINGATKAN** pegawai tidak dibenarkan meneruskan perjalanan ke Luar Negeri sekiranya tiada sebarang kelulusan. Kegagalan mematuhi perkara yang dinyatakan di atas boleh menyebabkan pegawai diambil tindakan disiplin.

8. Dengan ini surat edaran rujukan 30/JKM/SHRU/TM/500-3/5/1/2/JLD.3 bertarikh 24 Ogos 2020 adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

**"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"**  
**"AN HONOUR TO SERVE"**



**DATUK AMAR JAUL SAMION**  
Setiausaha Kerajaan Negeri  
SARAWAK